

Faktor utama berlaku banjir

Sampah sarap tersekat dalam sungai, air melimpah hingga ke jalan raya

JIKA aliran air sungai di kawasan luar bandar mampu sahaja memberikan ketenangan tatkalanya melihatnya, situasi jauh beza jika melihat aliran sungai-sungai di ibu kota.

Bahkan, tanpa perlu melihat pun sudah tidak sanggup untuk menjengah ke bawah kerana bau busuk yang terlebih dahulu 'disajikan'.


Tinjauan *Sinar Harian* di beberapa kawasan aliran sungai yang dihubungkan ke Sungai Klang mendapati ia bukan sahaja kotor, malah dicemari dengan bungkus plastik sampah pelbagai saiz dan warna.

Kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Semarak dan Sungai Bonus antara lokasi hampir dengan aliran sungai iaitu Sungai Bonus.

Sudah diduga, sampah-sampah yang menghiasi sungai itu sedia menyambut kedatangan penulis ketika tinjauan dilakukan.

Pemerhatian dilakukan sekitar pinggir sungai dan mendapati sebahagiannya terdirinya gerai-gerai makan, termasuk premis membaiki motosikal sementara sebahagian lagi adalah kawasan taman rekreasi.

Sampah tersekat, sungai berlumut



SUHAIMI

dan berminyak, antara 'menu' yang 'disajikan' apabila menjengah ke aliran sungai berkenaan.

Salah seorang penduduk yang ditemui mengakui situasi itu bukan perkara baru tetapi sudah menjadi 'hidangan' tetap yang mahu tidak mahu, perlu 'dihadam'.

Suhaimi Salleh, 54, yang juga seorang peniaga kedai runcit berkata, sampah-sampah berkenaan bukan sepenuhnya terhasil dari kawasan itu tetapi juga dari kawasan-kawasan lain kerana dibawa arus.



Keadaan Sungai Bonus berhampiran kawasan PPR Seri Semarak dan Sungai Bonus yang dicemari sampah dan kesan minyak.

Katanya, disebabkan itu juga kawasan itu pernah dinaiki air kerana kehadiran sampah dari hulu sungai yang dibawa arus ketika hujan lebat tidak mampu mengalirkan air dengan

sempurna.

"Tidak dapat digambarkan keadaan sampah-sampah yang dibawa arus kerana ia amat menakutkan. Terlalu banyak sehingga menyebabkan ban-

ji," Keadaan itu memberi risiko kepada jambatan yang dibina merentasi sungai kerana hentaman arus deras yang membawa sampah-sampah termasuk jenis pukat ini boleh memberi tekanan terhadap struktur.

"Pernah juga air naik ke bahagian jalan kerana tidak dapat ditampung sungai. Banjir teruk berlaku setahun lalu namun saya bernasib baik sempat menyelamatkan barangan kedai," katanya.

Justeru katanya, dia menyarankan lebih banyak perangkap sampah dipasang dan kekerapan pembersihan ditingkatkan.

Pekerja swasta, Mohd Afham Abdullah, 27, berkata, pembersihan semata-mata tidak cukup tanpa tindakan penguatkuasaan.

Katanya, hukuman lebih berat perlu dibuat untuk menyedarkan masyarakat yang tidak bertanggungjawab agar ia tidak diulangi.

"Sungai-sungai ini terlalu terbuka. Kadang kala sambil lalu sahaja orang campak sampah dan mereka bukanlah penduduk sini.

"Pemantauan terhadap gerai juga perlu kerana kadang kala seperti terlepas pandang asalkan mereka ber-